



## Program Hari Kerjaya Perkhidmatan Makanan

Sekolah Sains Makanan & Pemakanan telah menganjurkan Program Hari Kerjaya Perkhidmatan Makanan pada 17 Mei 2013, bersamaan hari Jumaat, bertempat di Bilik Seminar SSMP. Program yang dirasmikan oleh Dekan SSMP, Prof. Madya Dr. Sharifudin Md. Shaarani, dihadiri oleh para pelajar Program HG09, para pensyarah dan kakitangan sokongan SSMP.

Objektif program Hari Kerjaya ini adalah untuk memberi kefahaman kepada pelajar tentang bidang perkhidmatan makanan, pendedahan tentang peluang kerjaya dalam bidang perkhidmatan makanan dan sekaligus meningkatkan minat pelajar di dalam bidang ini. Bagi mencapai objektif program ini, pihak SSMP telah menjemput penceramah-penceramah daripada industri perkhidmatan makanan komersil dan bukan komersil (*'in-flight catering'*, *katering hospital*, dan industri makanan segera (*'fast-food industry'*).

Serentak dengan berlangsungnya program ini, pihak SSMP juga telah mengambil peluang bagi membincangkan peluang kerjasama dalam menyediakan latihan kepada pelajar di Brahim's Airline Catering. Perbincangan diketuai oleh Dekan SSMP dan wakil dari Brahim's Airline Catering iaitu En. Ahmad Reza Kamaruddin yang merupakan Ketua Pegawai Integriti (merangkap Pengurus Kanan Modal Insan) dan En. Zulmat Zainal Abiddin (Pengurus Unit Latihan dan Pembangunan Pengurusan). Wakil dari SSMP yang terlibat adalah Dr. Noor Akmar Abdul Wahab (Koordinator Program Latihan Industri) dan juga Puan Jane Edwin Ading (Penolong Pendaftar SSMP). Seramai 7 orang pelajar tahun 3 dari program HG09, HS04 dan HY07 telah mengikuti program latihan industri di Brahim's Airline Catering bagi sesi 2012-2013. SSMP mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih dan penghargaan kepada para penceramah jemputan; En. Ahmad Reza Kamaruddin (Brahims Airline Catering Sdn. Bhd.), En. Mohd. Shahrir Abd. Rais (Hospital Queen Elizabeth II) dan En. Lim Kok Fung, (QSR Brands (M) Holdings Sdn Bhd)

